



## GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN BIL. 1 TAHUN 2022 PENJEJASAN NILAI PELABURAN

### 1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai pengiktirafan dan pengukuran penjejasan nilai pelaburan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan.
- 1.2. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan:
  - 1.2.1. *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) 21 – Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai;
  - 1.2.2. *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) 26 – Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai;
  - 1.2.3. *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) 36 – Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama;
  - 1.2.4. Manual Operasi Perakaunan Akruan (MOPA) (rujuk tajuk FAL 3.1, FAL 3.3 dan FAL Lampiran 14);
  - 1.2.5. Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan (rujuk para 9.2, 9.3 dan 9.4);
  - 1.2.6. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 10 Tahun 2017 (SPANM 10/2017) – Carta Akaun Asas Akruan; dan
  - 1.2.7. Polisi Perakaunan yang berkuat kuasa

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pelaburan dalam konteks garis panduan ini merujuk kepada pelaburan dalam Entiti Dikawal (*Controlled Entities*), Entiti Bersekutu (*Associates*) dan Entiti Usaha Sama (*Joint Ventures*) yang perlu diperakaunkan dalam persekitaran perakaunan akruan selaras dengan MPSAS 35 – Penyata Kewangan Disatukan dan MPSAS 36 – Pelaburan Dalam Entiti Bersekutu dan Entiti Usaha Sama.
- 2.2. Pelaburan diperakaun menggunakan kaedah ekuiti selaras dengan Polisi Perakaunan semasa JANM **kecuali** Syarikat Berhad Menurut Jaminan (*Company Limited By Guarantee* - CLBG) dan badan berkanun.



- 2.3. Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Entiti Bersekutu dan Entiti Usaha Sama boleh diklasifikasikan sebagai aset menjana tunai atau aset tidak menjana tunai. Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai adalah merujuk kepada MPSAS 26 manakala Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai dirujuk kepada MPSAS 21. Pengelasan ini perlu dibuat sebelum proses pentaksiran penjejasan nilai dilaksanakan bagi memastikan ketepatan kaedah pengukuran penjejasan yang digunakan. Secara asasnya, aset pelaburan adalah dikelaskan sebagai aset menjana tunai yang berupaya memberikan pulangan komersil kepada Kerajaan. Pengelasan kepada aset tidak menjana tunai dibuat apabila aset tersebut mempunyai sekurang-kurang satu (1) daripada kriteria seperti di **Lampiran A**.
- 2.4. Taksiran perlu dilaksanakan pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat apa-apa indikator bahawa pelaburan dijangka terjejas seperti mana yang ditetapkan di bawah MPSAS 21 dan MPSAS 26. Jika wujud sebarang indikator, anggaran amaun boleh pulih (*recoverable amount*) atau amaun perkhidmatan boleh pulih (*recoverable service amount*) pelaburan perlu dibuat. Penjejasan nilai pelaburan perlu diperakaunkan apabila amaun bawaan (*carrying amount*) pelaburan melebihi amaun boleh pulih pelaburan.

### 3. PENJEJASAN NILAI PELABURAN

#### 3.1 Takrifan

- 3.1.1. Pelaburan merujuk kepada pelaburan Entiti Dikawal, Entiti Bersekutu dan Entiti Usaha Sama.
- 3.1.2. Penjejasan nilai pelaburan adalah kerugian dalam manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi sesuatu pelaburan. Oleh itu, penjejasan nilai menggambarkan penurunan dalam nilai pelaburan kepada entiti yang mengawalinya.
- 3.1.3. Aset menjana tunai adalah aset yang diperolehi dengan matlamat menjana pendapatan dan berupaya memberikan pulangan komersil.
- 3.1.4. Aset tidak menjana tunai adalah aset yang tidak menjana sebarang pulangan komersil.
- 3.1.5. Bukti objektif adalah dokumen sokongan yang menunjukkan bukti bahawa penjejasan nilai pelaburan telah berlaku. Contohnya penyata kewangan beraudit syarikat.
- 3.1.6. Nilai saksama merupakan nilai anggaran aset yang diukur berdasarkan jenis dan klasifikasinya.



- 3.1.7. Penurunan nilai yang kekal (*permanent diminution in value*) merujuk kepada keadaan di mana syarikat mengalami kerugian dan pemulihan tidak mungkin berlaku.
- 3.1.8. Timbal balik (*reversal*) penjejasan nilai pelaburan adalah pelarasan untuk mengurangkan amaun penjejasan nilai pelaburan yang telah diperakaunkan.
- 3.1.9. Amaun bawaan pelaburan ialah amaun pada masa pelaburan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.
- 3.1.10. Amaun boleh pulih pelaburan adalah amaun yang lebih tinggi di antara nilai saksama pelaburan ditolak kos untuk menjual berbanding nilai sedang digunakan (*value in use*).
- 3.1.11. Nilai sedang digunakan adalah nilai semasa aliran tunai masa depan yang dijangka akan diperolehi daripada pelaburan atau bagi aset tidak menjana tunai, baki potensi pelaburan yang masih wujud.
- 3.1.12. Indikator penjejasan nilai pelaburan adalah perubahan jangka panjang sumber luar dan dalaman syarikat yang signifikan yang mengakibatkan penurunan dalam nilai pelaburan kepada entiti yang mengawalinya.

### 3.2. Pengiktirafan

- 3.2.1. Pengiktirafan penjejasan nilai pelaburan hendaklah dilaksanakan sekiranya amaun bawaan pelaburan melebihi amaun boleh pulih atau amaun perkhidmatan boleh pulih pelaburan.
- 3.2.2. Pemantauan ke atas prestasi syarikat perlu dilaksanakan oleh Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Perbendaharaan, (GIC) dengan membuat penilaian ke atas indikator penjejasan dan menyenaraikan syarikat yang mengalami penurunan nilai yang kekal. Antara kaedah pemantauan bagi menentukan status penurunan nilai yang kekal adalah melalui analisis secara tahunan ke atas penyata kewangan beraudit. Sekiranya penyata kewangan beraudit tidak boleh didapati, akaun pengurusan syarikat (*company's management account*) tahun kewangan terkini boleh digunakan sebagai asas. Contoh indikator penjejasan nilai pelaburan dan bukti objektif adalah seperti **Lampiran B**.
- 3.2.3. Jika wujud potensi kerugian penjejasan, satu anggaran formal bagi amaun boleh pulih pelaburan yang berkenaan hendaklah disediakan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam setahun oleh sebuah kumpulan kerja dianggotai oleh pihak GIC, BPOPA serta pihak lain yang berkaitan.



### 3.3 Pengukuran

3.3.1. Pengukuran penjejasan nilai pelaburan ini hendaklah dilaksanakan dengan mengambil langkah seperti berikut:

3.3.1.1. Kenal pasti amaun bawaan pelaburan selepas pengiktirafan untuk perakaunan kaedah ekuiti.

3.3.1.2. Bagi mengenal pasti amaun boleh pulih atau amaun perkhidmatan boleh pulih, tolakkan kos untuk menjual dari nilai saksama pelaburan untuk dibandingkan dengan nilai sedang digunakan.

3.3.1.3. Bagi tujuan perbandingan, kenal pasti nilai sedang digunakan pelaburan bagi syarikat mengikut peratusan pegangan saham/ ekuiti, berdasarkan:

- i. Nilai kini (*present value*) unjuran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh syarikat termasuk aliran tunai daripada aktiviti operasi dan hasil pelupusan pelaburan berdasarkan maklumat yang diterima daripada syarikat; atau
- ii. Nilai kini (*present value*) unjuran aliran tunai masa hadapan yang dijangka diterima daripada syarikat dalam bentuk dividen atau agihan seumpamanya dan hasil pelupusan pelaburan, berdasarkan maklumat yang diterima daripada syarikat; atau
- iii. Dalam keadaan anggaran aliran tunai tidak dapat diperolehi, nilai sedang digunakan adalah berdasarkan kos penggantian disusut nilai yang diukur sebagai kos pemerolehan semula pelaburan tolak susut nilai terkumpul. Ini boleh dianggarkan berdasarkan nilai bersih aset ketara (*net-tangible assets* (NTA)) syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit atau akaun pengurusan syarikat (*company's management account*) tahun kewangan terkini yang diperakui oleh pihak GIC.

3.3.1.4. Bagi aset tidak menjana tunai, oleh kerana tiada maklumat berkaitan aliran tunai, nilai sedang digunakan adalah berdasarkan kos penggantian disusut nilai yang diukur sebagai kos pemerolehan semula pelaburan tolak susut nilai terkumpul. Ini boleh dianggarkan berdasarkan nilai bersih aset ketara (*net-tangible assets* (NTA)) syarikat berdasarkan penyata kewangan



beraudit atau akaun pengurusan syarikat (company's management account) tahun kewangan terkini yang diperakui oleh pihak GIC.

- 3.3.1.5. Lebihan amaun bawaan berbanding amaun boleh pulih, perlu diperakaunkan sebagai penjejasan nilai pelaburan. Format pengiraan adalah seperti **Lampiran C**.
- 3.3.1.6. Tiada penjejasan nilai bagi sesuatu pelaburan apabila nilai pelaburan telah mencecah sifar.

#### 4. PERAKAUNAN PENJEJASAN NILAI PELABURAN

4.1 GIC perlu mendapatkan penyata kewangan beraudit syarikat yang terkini atau akaun pengurusan syarikat yang disahkan dan senarai pelaburan yang dikenal pasti mengalami penurunan nilai yang kekal (*permanent diminution in value*) untuk penilaian anggaran penjejasan yang perlu disemak dan diperakaunkan oleh Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

#### 4.2 Tatacara Perakaunan Penjejasan Nilai Pelaburan

Sekiranya terdapat bukti objektif dan anggaran nilai penjejasan telah diperolehi, BPOPA hendaklah menyediakan baucar jurnal penjejasan nilai pelaburan di iGFMS menggunakan Baucar Jurnal Pelarasan Lejar (S8) mengikut kod dana. Perincian kod akaun boleh dirujuk di **Lampiran D** dan SPANM 10/2017. Catatan bergu perakaunan penjejasan nilai pelaburan adalah seperti berikut:-

Catatan Bergu Umum Perakaunan Penjejasan Nilai Pelaburan		
Debit	Penjejasan Nilai Pelaburan	
Kredit	Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	
Contoh Catatan Bergu Penjejasan Nilai Entiti Dikawal (Dalam Negeri)		
Catatan	Sumber Akaun Amanah	Sumber Lebihan Dana
Debit	B5411101 Penjejasan Nilai Pelaburan	B5421101 Penjejasan Nilai Pelaburan
Kredit	A5411101 Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	A5421101 Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan
Catatan	Sumber Peruntukan Tahunan (Perusahaan Kewangan)	
Debit	B5438101 Penjejasan Nilai Pelaburan	
Kredit	A5438101 Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	



Contoh senario bagi perakaunan penjejasan nilai pelaburan adalah seperti **Lampiran E**.

4.3 Proses kerja pengukuran selepas pengiktirafan untuk penilaian penjejasan nilai boleh dirujuk di dalam Manual Operasi Perakaunan Akruan (MOPA):

4.3.1. FAL 3.3: Pelaburan dalam Entiti Dikawal (*Controlled Entities*), Entiti Bersekutu (*Associates*) dan Entiti Usaha Sama (*Joint Ventures*) – Pengukuran selepas pengiktirafan untuk penilaian penjejasan.

4.3.2 FAL Lampiran 14: Borang Penilaian Penjejasan Nilai Pelaburan.

## 5. CARTA ALIR PROSES KERJA PENJEJASAN NILAI PELABURAN

5.1. Carta Alir Proses Kerja Penjejasan Nilai Pelaburan adalah seperti di **Lampiran F**.

## 6. TIMBAL BALIK PENJEJASAN NILAI PELABURAN

6.1. GIC perlu menilai jika terdapat sebarang indikator bahawa kerugian penjejasan yang telah diiktiraf perlu ditimbal balik. Jika wujud potensi imbal semula penjejasan, maka anggaran formal bagi amaun boleh pulih pelaburan hendaklah disediakan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam setahun.

6.2. Timbal balik penjejasan nilai pelaburan hendaklah diperakaunkan sekiranya amaun boleh pulih melebihi amaun bawaan pelaburan bagi syarikat yang pernah diperakaunkan penjejasan nilai pelaburan.

6.3. Amaun timbal balik penjejasan nilai pelaburan adalah sehingga peningkatan amaun boleh pulih pelaburan. Namun begitu, amaun timbal balik penjejasan nilai pelaburan ini adalah terhadap kepada amaun penjejasan nilai pelaburan yang pernah diperakaunkan. Contoh senario bagi perakaunan timbal balik penjejasan nilai pelaburan adalah seperti **Lampiran G**.

### 6.4. Perakaunan Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan

Sekiranya timbal balik perlu dilakukan, BPOPA hendaklah menyediakan baucar jurnal timbal balik penjejasan nilai pelaburan dalam iGFMAS. Catatan bergu perakaunan timbal balik penjejasan nilai pelaburan yang diiktiraf untuk tahun semasa adalah seperti berikut:



<b>Catatan Bergu Umum Perakaunan Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan</b>		
Debit	Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	
Kredit	Penjejasan Nilai Pelaburan	
<b>Contoh Catatan Bergu Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan Entiti Dikawal (Dalam Negeri)</b>		
Catatan	Sumber Akaun Amanah	Sumber Lebihan Dana
Debit	A5411101 Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	A5421101 Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan
Kredit	B5411101 Penjejasan Nilai Pelaburan	B5421101 Penjejasan Nilai Pelaburan
Catatan	Sumber Peruntukan Tahunan (Perusahaan Kewangan)	
Debit	A5438101 Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	
Kredit	B5438101 Penjejasan Nilai Pelaburan	

## 7. CARTA ALIR PROSES KERJA TIMBAL BALIK PENJEJASAN NILAI PELABURAN

7.1. Carta Alir Proses Kerja Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan adalah seperti di **Lampiran H**.

## 8. PEMAKAIAN

8.1. Garis panduan ini perlu diguna pakai dalam mengurus dan memperakaunkan penjejasan nilai pelaburan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan.

8.2. Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh diajukan kepada:

Pengarah  
 Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan  
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
 Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan  
 No. 1, Persiaran Perdana  
 62594 Putrajaya  
 No.Telefon : 03-8882 1000  
 No.Faks : 03-8882 1765

**LAMPIRAN A****Kriteria Pengelasan Kepada Aset Tidak Menjana Tunai**

1. Aset yang dipegang dengan objektif bukan untuk pulangan komersil; dan/atau
2. Ditubuhkan sebagai Syarikat Bertujuan Khas (SPV) dengan objektif bukan untuk menjana pendapatan; dan/atau
3. Tidak menjana aliran masuk pendapatan dari operasi utama perniagaan; dan/atau
4. Tidak menjana aliran masuk tunai positif; dan/atau
5. Tidak memberikan pulangan komersil; dan/atau
6. Bergantung pada aliran masuk tunai daripada aset atau kumpulan aset yang lain.





## LAMPIRAN B

## Contoh Indikator Penjejasan Nilai Pelaburan dan Bukti Objektif

Bil.	Indikator Penjejasan Nilai Pelaburan	Dokumen Sokongan Sebagai Bukti Objektif
1.	Terdapat penurunan nilai yang kekal ( <i>permanent diminution in value</i> ) di mana prestasi kewangan syarikat menunjukkan kerugian tiga (3) tahun berturut-turut.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang terkini</li> <li>▪ Akaun Pengurusan Syarikat yang terkini</li> </ul>
2.	Syarikat telah diisytiharkan mufliis, dalam proses penggulungan atau perniagaan telah dibubarkan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perintah mahkamah</li> <li>▪ Senarai pendaftaran syarikat</li> </ul>
3.	Ketidakmampuan syarikat untuk memenuhi obligasi kewangan apabila sampai tempoh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang terkini</li> <li>▪ Akaun Pengurusan Syarikat yang terkini</li> </ul>
4.	Syarikat menghadapi kes undang-undang atau dalam tindakan mahkamah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang terkini</li> <li>▪ Maklumat kes mahkamah</li> </ul>
5.	Perubahan persekitaran yang signifikan seperti perubahan teknologi, undang-undang, pasaran dan ekonomi dalam negara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang terkini</li> <li>▪ Akaun Pengurusan Syarikat yang terkini</li> </ul>



**LAMPIRAN C**

**FAL Lampiran 14 – Borang Penilaian Penjejasan Nilai Pelaburan/Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan**

<b>Tarikh penilaian penjejasan nilai</b>		Masukkan tarikh pengiraan penjejasan nilai pelaburan dibuat
<b>Tahun kewangan</b>		Masukkan tahun kewangan berakhir syarikat
<b>Nama syarikat</b>		Nama syarikat berdasarkan senarai pelaburan
<b>Peratus pegangan (%)</b>		Jumlah pegangan unit saham biasa yang dipegang oleh entiti/Jumlah unit saham biasa yang diterbitkan oleh syarikat

**RM**

<b>Amaun bawaan pelaburan selepas perakaunan kaedah ekuiti</b>		Baki amaun bawaan pelaburan pada tahun semasa
<b>Amaun boleh pulih pelaburan</b>		Amaun boleh pulih pelaburan mengikut peratusan pegangan saham/ekuiti
<b>Penjejasan nilai pelaburan tahun semasa</b>		Amaun penjejasan nilai pelaburan yang perlu diperakaunkan
<b>Penjejasan nilai pelaburan tahun terdahulu</b>		
<b>Penjejasan nilai pelaburan tahun semasa</b>		
<b>Timbal balik penjejasan nilai pelaburan pada tahun semasa</b>		

**Pengiraan amaun boleh pulih pelaburan boleh ditentukan seperti berikut:**

- 1) Nilai kini unjuran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh syarikat termasuk aliran tunai daripada aktiviti operasi dan hasil pelupusan pelaburan; atau
- 2) Nilai kini unjuran aliran tunai masa hadapan yang dijangka diterima daripada syarikat dalam bentuk dividen atau agihan seumpamanya dan hasil pelupusan pelaburan; atau
- 3) Nilai bersih aset ketara (*net-tangible assets - NTA*) syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit/ akaun pengurusan syarikat (*company's management account*) terkini.

**Pengiraan nilai bersih aset ketara berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit yang terkini adalah seperti berikut:**

<b>Jumlah aset syarikat</b>	
<b>Tolak: Jumlah aset tak ketara</b>	
<b>Jumlah liabiliti</b>	
<b>Tolak: Jumlah liabiliti yang berkaitan dengan Kerajaan Persekutuan</b>	
<b>Nilai bersih aset ketara berdasarkan peratus pegangan</b>	



LAMPIRAN D

**Kod Carta Akaun Akruan (CAA)**

Jenis Pelaburan	Sumber	Kategori	Kod CAA Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	Kod CAA Belanja Penjejasan Nilai
Entiti Dikawal	Sumber Akaun Amanah	Dalam Negeri	A5411101	B5411101
		Luar Negeri	A5412101	B5412101
	Sumber Lebihan Dana	Dalam Negeri	A5421101	B5421101
		Luar Negeri	A5422101	B5422101
	Sumber Peruntukan Tahunan	Dalam Negeri - Perusahaan Kewangan	A5438101	B5438101
		Dalam Negeri - Perusahaan Bukan Kewangan	A5438102	B5438102
		Dalam Negeri - Pelaburan Lain	A5438199	B5438199
Luar Negeri		A5438299	B5438299	
Entiti Usaha Sama	Sumber Akaun Amanah	Dalam Negeri	A5511101	B5511101
		Luar Negeri	A5512101	B5512101
	Sumber Lebihan Dana	Dalam Negeri	A5521101	B5521101
		Luar Negeri	A5522101	B5522101
	Sumber Peruntukan Tahunan	Dalam Negeri - Perusahaan Kewangan	A5538101	B5538101
		Dalam Negeri - Perusahaan Bukan Kewangan	A5538102	B5538102
		Dalam Negeri - Pelaburan Lain	A5538199	B5538199
Luar Negeri		A5538299	B5538299	
Entiti Bersekutu	Sumber Akaun Amanah	Dalam Negeri	A5611101	B5611101
		Luar Negeri	A5612101	B5612101
	Sumber Lebihan Dana	Dalam Negeri	A5621101	B5621101
		Luar Negeri	A5622101	B5622101
	Sumber Peruntukan Tahunan	Dalam Negeri - Perusahaan Kewangan	A5638101	B5638101
		Dalam Negeri - Perusahaan Bukan Kewangan	A5638102	B5638102
		Dalam Negeri - Pelaburan Lain	A5638199	B5638199
Luar Negeri		A5638299	B5638299	

**LAMPIRAN E****Senario A : Penjejasan Nilai Pelaburan**

Pelaburan dalam Entiti Dikawal dikaji semula secara tahunan bagi penilaian penjejasan nilai pelaburan. Pada tahun 20X1, sebuah syarikat mengalami masalah *permanent diminution in value*. Penilaian selanjutnya juga mendapati amaun bawaan pelaburan selepas pengiktirafan kaedah ekuiti berjumlah RM450,000.00 adalah melebihi amaun boleh pulih pelaburan iaitu RM400,000.00. Penjejasan nilai pelaburan berjumlah RM50,000.00 perlu diiktiraf dan diperakaunkan apabila amaun bawaan pelaburan melebihi amaun boleh pulih pelaburan.

**Catatan Bergu Perakaunan Penjejasan Nilai Pelaburan**


Pelaburan Entiti Dikawal Bagi Sumber Lebihan Dana (Dalam Negeri)		Amaun (RM)	Kod Akaun
Debit	Penjejasan Nilai Pelaburan	50,000.00	B5421101
Kredit	Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	50,000.00	A5421101

Catatan jurnal yang digunakan bagi senario A adalah sama untuk pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Entiti Usaha Sama. Namun begitu, kod akaun adalah tertakluk kepada kategori pelaburan dan sumber dana yang digunakan.



LAMPIRAN F

Proses Kerja Penjejasan Nilai Pelaburan



**LAMPIRAN G****Senario B : Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan**

Pelaburan dalam Entiti Dikawal dikaji semula secara tahunan bagi penilaian penjejasan. Pada tahun 20X2, penilaian selanjutnya mendapati amaun bawaan pelaburan selepas pengiktirafan kaedah ekuiti berjumlah RM520,000.00 adalah tidak melebihi amaun boleh pulih pelaburan iaitu RM610,000.00. Timbal balik penjejasan nilai pelaburan perlu diiktiraf dan terhad kepada RM50,000.00 sahaja iaitu amaun penjejasan nilai pelaburan yang pernah diperakaunkan pada tahun 20X1 (Rujuk Senario A di Lampiran E).

**Catatan Bergu Perakaunan Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan**

<b>Pelaburan Entiti Dikawal Bagi Sumber Lebihan Dana (Dalam Negeri)</b>		<b>Amaun (RM)</b>	<b>Kod Akaun</b>
Debit	Penjejasan Nilai Terkumpul Pelaburan	50,000.00	A5421101
Kredit	Penjejasan Nilai Pelaburan	50,000.00	B5421101

Catatan jurnal yang digunakan bagi senario B adalah sama untuk pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Entiti Usaha Sama. Namun begitu, kod akaun adalah tertakluk kepada kategori pelaburan dan sumber dana yang digunakan.



LAMPIRAN H

**Proses Kerja Timbal Balik Penjejasan Nilai Pelaburan**

